

PERSEDIAAN AWAL LATIHAN GURU BAHASA KADAZANDUSUN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (2011 – 2014)

EARLY PREPARATION FOR TRAINING OF THE KADAZANDUSUN LANGUAGE TEACHER IN INSTITUTE PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (2011-2014)

Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah¹, Bilcher Bala², Jane Wong Kon Ling³,

¹Institut Pendidikan Guru, Kampus Kent, Tuaran, Sabah

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

³Pusat Penataran Imu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

nurlina_lb@yahoo.com.my, bilcher@ums.edu.my, jane@ums.edu.my,

ABSTRACT

The Kadazandusun language (BKD) teacher's training programme in Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) started with 20 students for the Kadazandusun Preparatory Programme's First Batch registered on the 20th June 2012 at Institute of Teacher Education Kent Campus. This batch of students had to undergo three semesters of Preparatory Programme (PPISMP) before proceeding to do their Bachelor of Teaching Programme (PISMP) which took another eight semesters. A lot of preparation needed to be done by IPGM, especially by Kent Teacher Education Institute Campus which is the first campus to offer training for BKD teacher's preparatory course. This research aims to observe the major preparations which had been done by Kent Campus before receiving its first batch of BKD students. The research also discusses the first group of lecturers and students who were involved in the training of BKD teachers as well as the list of BKD courses offered under the PPISMP and PISMP curriculum. A narrative historical approach was used in this research and most discussions had been done in a chronological order. Data was collected from primary sources such as minutes of meetings, proposals and paperworks, reports, letters and newspapers cuttings as well as interviews with those directly involved in the

¹ Ketua Jabatan Bahasa Kadazandusun di IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah

² Prof, Nadya Dr. di FSSK, Universiti Malaysia Sabah

³ Pensyarah Kanan di PPIB, Universiti Malaysia Sabah

early preparation of the BKD training. The research findings revealed that two main preparations were done before the BKD Preparatory Programme was offered, namely, equipping of the lecturers and setting of the Pro forma for the BKD curriculum. The findings also showed that all the lecturers and students for the first intake were native speakers of the different dialects of Kadazan Dusun from various districts in Sabah.

Key Words: PPISMP, PISMP, IPGM, ITE, BKD, Pro Forma

ABSTRAK

Program Latihan guru Bahasa Kadazandusun (BKD) di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bermula apabila seramai 20 orang pelajar PPISMP BKD diambil pertama mendaftar pada 25 Jun 2012 di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Kent. Kumpulan ini mengikuti kursus persediaan selama tiga semester sebelum meneruskan pengajian ke Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) selama 8 semester. Banyak persediaan awal telah dilakukan oleh IPGM khususnya IPG Kampus Kent selaku perintis kepada penawaran latihan guru melalui PPISMP BKD. Kajian ini bertujuan untuk meneliti persediaan utama yang telah dilakukan oleh IPG Kampus Kent sebelum menerima pelajar PPISMP BKD. Kajian ini juga mengenalpasti pensyarah dan pelajar perintis yang terlibat dalam latihan guru BKD serta senarai kursus yang ditawarkan dalam kurikulum PPISMP dan PISMP BKD. Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan sejarah naratif dengan hampir keseluruhan perbincangan adalah dalam bentuk kronologi. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah mengumpul sumber-sumber primer seperti minit mesyuarat, kertas cadangan dan kertas kerja, dokumen perjanjian, laporan, surat menyurat dan keratan akhbar berkaitan serta temu bual dengan individu yang terlibat langsung dengan persediaan awal latihan guru BKD. Kajian mendapati terdapat dua persediaan awal yang telah dilakukan sebelum penawaran PPISMP BKD iaitu persediaan tenaga pengajar dan penggubalan Pro Forma iaitu kurikulum BKD. Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa semua pensyarah dan pelajar perintis BKD adalah penutur jati pelbagai dialek Kadazan Dusun dari pelbagai daerah di negeri Sabah.

Kata Kunci: PPISMP, PISMP, IPGM, IPG, BKD, Pro Forma

Pengenalan

Sejarah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun (BKD) di sekolah di Sabah telah bermula sejak tahun 1994 atas usaha sendiri oleh komunitinya. Pengajaran BKD yang pertama telah dilaksanakan di *Kadazandusun Language Centre* (kini dikenali sebagai KLF) di Penampang pada bulan Ogos 1994 sebagai usaha permulaan oleh komuniti Kadazan di Penampang dengan kos pembiayaan ditanggung oleh ibu bapa anak-anak komuniti Kadazan⁴ Kini, pelaksanaan pengajaran BKD di Sabah memasuki tahun ke-24 sejak pelaksanaan pengajaran rintis di Tahun 4 pada tahun 1997. Pengajaran penuh secara rasmi telah dilaksanakan di Tahun 4 sekolah rendah pada tahun 2000 dan kemudiannya dikembangkan ke sekolah menengah melalui pengajaran rintis pada tahun 2006 dan pelaksanaan penuh di Tingkatan satu pada tahun 2007. Pada tahun 2009, mata pelajaran BKD telah ditawarkan di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) manakala peperiksaan mata pelajaran BKD ditawarkan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2011. Pencapaian mata pelajaran tersebut sangat cemerlang kerana pencapaiannya tidak pernah jatuh dari 89% dengan pencapaian tertinggi 97.02% pada tahun 2013 iaitu kali terakhir PMR diadakan.⁵ Pencapaian mata pelajaran BKD dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) sejak permulaannya pada tahun 2011 juga cemerlang dengan pencapaian 98.4% dan pencapaian tertinggi adalah 98.8% pada tahun 2017.⁶

Pada tahun 1998, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menawarkan BKD sebagai mata pelajaran elektif dan hanya ditawarkan kepada siswasiswi bukan kaum Kadazandusun. Mata pelajaran ini ditawarkan untuk memberi kemahiran berkomunikasi dengan masyarakat tempatan kaum Kadazan Dusun. Pada tahun 2010, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula menawarkan BKD sebagai kursus minor kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan pada tahun 2010. Pada tahun 2011, BKD ditawarkan kepada pelajar yang mengikuti program Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI).⁷ Manakala Institut Pendidikan Guru (IPG), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pula menawarkan mata pelajaran BKD dalam Program

⁴ Borneo Mail, 27 November 1994.

⁵ Sitiimah Binti Haji Sahat, *Perkembangan Pendidikan Bahasa Kadazandusun Di Negeri Sabah dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Budaya, Bahasa dan Sastera (MaKaDuS) 2019*, hlm. 26.

⁶ Ibid, hlm. 27.

⁷ Data Senarai Nama Pelajar Bahasa Kadazandusun, UPSI 2011.

Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) bermula tahun 2012. Kohort pertama seramai dua puluh orang pelajar PPISMP bidang BKD telah mendaftar di IPG Kampus Kent, Tuaran pada 25 Jun 2012, dan diikuti oleh seramai dua puluh orang pelajar pada 23 Jun 2013.⁸ Sehingga kini, seramai lima puluh dua orang pelajar IPG Kampus Kent sudah bergraduasi dan memiliki sijil Ijazah Sarjana Muda Perguruan (Sekolah Rendah) dalam bidang BKD.⁹

Pernyataan Masalah

Pada tahun 1994, Datuk Bernard Giluk Dompok (kini Tan Sri), Ahli Parlimen P 174 Penampang merangkap Presiden Parti Demokratik (PDS) Sabah telah mengemukakan permohonan di Parlimen agar BKD diajar sebagai mata pelajaran bahasa ibunda di sekolah lantaran peningkatan permohonan daripada ibu bapa murid etnik Kadazan Dusun.¹⁰ Kelulusan permohonannya telah memberi implikasi kepada penawaran mata pelajaran ini di sekolah rendah. Pada tahun 2017, sebanyak 399 buah sekolah rendah di seluruh Sabah menawarkan mata pelajaran BKD dengan seramai 826 orang guru dan 38,021 orang murid mengambil mata pelajaran BKD.¹¹ Terdapat beberapa buah daerah yang tidak menawarkan mata pelajaran BKD kerana tiada guru yang boleh mengajar dan kurang bilangan murid etnik Kadazan Dusun. Masalah ketiadaan dan kekurangan guru bidang BKD telah timbul sejak awal pelaksanaan pengajaran BKD di sekolah rendah. Sitiamah Hj. Sahat dalam kajiannya yang bertajuk “Perkembangan Pendidikan BKD Di Negeri Sabah Tahun 2011 – 2017”¹² dan Wilfred Tangau & Rita Lasimbang, 1999 dalam kertas pembentangan mereka yang bertajuk “Cabaran-Cabaran Pembelajaran dan Pengajaran BKD” sempena Kongres Pertama Pendidik Kadazandusun Tahun 1999¹³ menjelaskan bahawa kekurangan atau ketiadaan guru yang terlatih dalam bidang BKD merupakan

8 Enrolmen Pelajar, Jabatan Hal Ehwal pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, 2012 & 2013 & Buku Konvokesyen IPGM 2018.

9 Enrolmen Pelajar, Jabatan Hal Ehwal pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, 2012 & 2013 & Buku Konvokesyen Ke-9 & Ke-10 IPGM.

¹⁰ Borneo Mail 15 Jun 1994.

¹¹ Data Guru dan Murid Di Sekolah yang Menawarkan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun, JPNS 2017.

¹² Sitiamah Binti Haji Sahat, Perkembangan Pendidikan Bahasa Kadazandusun Di Negeri Sabah dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Budaya, Bahasa dan Sastera (MaKaDuS) 2019, hlm. 30.

¹³ Kertas Kerja yang dibentangkan semasa Kongres Pertama Pendidik Kadazandusun di Dewan Maktab Perguruan Gaya pada 13 Februari 1999.

salah satu cabaran utama dalam usaha merealisasikan kejayaan pengajaran BKD di sekolah rendah.

Salah satu usaha untuk meyelesaikan masalah kekurangan guru terlatih dalam bidang BKD adalah melalui latihan guru BKD yang dapat mengatasi masalah kekurangan atau ketiadaan guru terlatih di sekolah kelak. Di Sarawak dan Sabah, latihan guru Bahasa Iban dan BKD diadakan bertujuan untuk melahirkan guru yang kompeten dan berketrampilan mengajar BKD yang kemudiannya dapat membantu murid dalam pembelajaran.¹⁴ Di samping itu penggunaan bahasa ibunda dapat memberi peluang yang sama kepada pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran mereka sepertimana yang dihasratkan oleh *UNESCO* iaitu pendidikan untuk semua (*Education for All*). Bahasa Iban dan BKD telah diangkat sebagai bahasa ibunda (kini sebagai bahasa etnik) dan seterusnya diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (kini Kementerian Pelajaran Malaysia) untuk diajar kepada murid-murid sekolah apabila sejumlah lima belas orang atau lebih ibu bapa murid etnik Kadazan Dusun memohon mata pelajaran tersebut diajar kepada anak-anak mereka.

Atas keperluan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah mengemukakan Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum BKD Bagi PPISMP dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik, Institut Pendidikan Guru (IPG) Induk, KPM, Cyberjaya pada 24 – 29 April 2011¹⁵ yang kemudiannya diluluskan dalam Mesyuarat Senat di Kuching, Sarawak pada 12 Mei 2011.¹⁶ Tujuan program tersebut diadakan di IPGM adalah khusus untuk melaksanakan latihan guru siswazah bidang BKD yang akan memenuhi keperluan guru BKD terlatih di sekolah rendah setelah tamat latihan. Detik bersejarah ini perlu diketahui oleh semua pihak berkepentingan (*stakeholder*) supaya mereka sedar tentang kewujudan IPG di Malaysia khususnya di Sabah yang berperanan penting melatih guru-guru siswazah bidang BKD. Kini, seramai 47 orang guru yang memiliki ijazah Sarjana Muda Perguruan BKD telah ditempatkan di sekolah-sekolah rendah

14 Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Kadazandusun Bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik, Institut Pendidikan Guru (IPG) Induk bertarikh 24 – 29 April 2011, .hlm. 3.

15 Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Kadazandusun Bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik, Institut Pendidikan Guru (IPG) Induk bertarikh 24 – 29 April 2011, hlm.. 3.

16 Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Kadazandusun Bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Senat, Kuching, Sarawak bertarikh 24 – 29 April 2011 , hlm. 3.

seluruh Sabah yang menawarkan mata pelajaran BKD.¹⁷

Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan utama dalam kajian ini iaitu;

- 1) Apakah persediaan utama yang telah dilakukan oleh IPG Kampus Kent untuk menerima kemasukan pelajar perintis BKD?
- 2) Apakah persediaan utama berkaitan tenaga pensyarah perintis yang terlibat dengan pelaksanaan latihan guru BKD?
- 3) Apakah kursus-kursus yang disediakan dalam kurikulum BKD PPISMP dan PISMP tahun 2011 - 2014?

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti persediaan utama yang telah dilakukan oleh IPG Kampus Kent untuk menerima pelajar perintis PPISMP BKD. Objektif kedua adalah mengenal pasti persediaan berkaitan tenaga pensyarah yang terlibat dengan pelaksanaan latihan guru BKD. Objektif ketiga adalah mengenalpasti kursus-kursus yang disediakan dalam kurikulum PPISMP dan PISMP BKD tahun 2011 – 2014.

Kajian Literatur

Beberapa kajian berkenaan perkembangan pengajaran dan pembelajaran BKD telah dibuat, sepertimana kajian Sitiimah Haji Sahat, ‘Perkembangan Pendidikan BKD di Negeri Sabah dari tahun 2011 – 2017’.¹⁸ Kajian Sitiimah merangkumi pelaksanaan kurikulum, perkembangan pelajar, guru dan sekolah yang mengambil atau mengajar mata pelajaran BKD, data-data pencapaian pelajar BKD dalam peperiksaan serta langkah yang diambil oleh pihak tertentu untuk meningkatkan kualiti guru dan kurikulum mata pelajaran BKD.

¹⁷ Buku Konvokesyen Ke-9 & Ke-10 IPGM.

¹⁸ Sitiimah Haji Sahat.(2018). Perkembangan Pendidikan Bahasa Kadazandusun di Negeri Sabah dari tahun 2011 – 2017. Prosiding Seminar Budaya, Bahasa dan Sastera Masyarakat Kadazandusun, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.

Linah Bagu juga membuat satu kajian perkembangan pengajaran dan pembelajaran BKD bertajuk¹⁹, 'Perkembangan BKD di Institut Pendidikan Guru Malaysia (2011-2015)' tetapi kajiannya berfokus kepada pengajaran dan pembelajaran di IPG. Walau bagaimanapun, Linah ada menyentuh sedikit perkembangan pengajaran dan pembelajaran BKD dari peringkat sekolah rendah. Selebihnya, kajiannya memberi fokus kepada pengajaran kursus sarjana muda dalam bidang BKD di IPG.

Evelyn Annol dan Mary Teresa Kinajil membuat kajian yang hampir sama bertajuk 'Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran BKD di Malaysia 1994-2014'. Kajian banyak melihat perkembangan mata pelajaran BKD dari aspek pembinaan kurikulum dari awal pelaksanaan program rintis dan pengenalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Selain itu, kajian ini juga melihat perkembangan penyelarasan penggunaan istilah dalam BKD sehingga tahun 2013.

Rita Lasimbang, P. Salvia Poit dan Emelda Evon dalam kajian berkaitan 'Peranan Yayasan Bahasa Kadazandusun (KLF) dalam Pembangunan Bahasa Ibunda – Merujuk kepada Pembangunan BKD'²⁰, menjelaskan peranan KLF dalam pembangunan BKD dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan. Bagaimanapun, kajian Rita, Salvia dan Emelda tidak banyak menyentuh perkembangan pendidikan BKD sejak mula sehingga pelaksanaan pengajaran penuh di sekolah rendah antara tahun 1994 - 2004.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah naratif berasaskan penelitian dokumen sumber primer. Bentuk persembahan data hampir keseluruhannya dalam bentuk kronologi menggunakan kaedah kualitatif. Bahagian pendahuluan kajian merupakan perbincangan umum kajian termasuk persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, tinjauan literatur dan metodologi kajian. Kemudian diikuti dengan sejarah pendidikan awal BKD di IPGM. Seterusnya perbincangan berfokus kepada persediaan-persediaan utama pelaksanaan PPISMP dan PISMP BKD pada tahun 2011

19 Linah Bagu @Siti Nurlina Abdullah, (2016). *Perkembangan Bahasa Kadazandusun di Institut Pendidikan Guru Malaysia (2011-2015)*, Prosiding Seminar Penyelidikan Kebangsaan (Zon Sabah dan Sarawak).

20 Rita Lasimbang, P. Salvia Poit & Emelda Evon, (2018). *Peranan Yayasan Bahasa Kadazandusun (KLF) dalam Pembangunan Bahasa Ibunda – Merujuk kepada Pembangunan Bahasa Kadazandusun (BKD)*, Prosiding Seminar Budaya, Bahasa dan Sastra Masyarakat Kadazandusun, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.

hingga 2014 termasuk persediaan tenaga pensyarah dan kursus-kursus dalam kurikulum BKD. Maklumat pensyarah dan pelajar perintis yang terlibat dalam pelaksanaan PPISMP dan PISMP BKD juga diterangkan. Bahagian akhir pula akan merumuskan semua persediaan pelaksanaan program BKD di IPGM yang telah dilakukan.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah mengumpul sumber-sumber primer seperti minit mesyuarat, kertas cadangan dan kertas kerja, dokumen perjanjian, laporan, surat menyurat dan keratan akhbar berkaitan. Sumber-sumber primer diperolehi di Arkib Negeri Sabah, KDCA, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Bahagian Perkembangan Kurikulum, KPM. Kajian juga menggunakan kajian kepustakaan untuk mendapatkan sumber sekunder seperti jurnal dan buku rujukan berkaitan. Sumber sekunder digunakan untuk melihat gambaran perkembangan peristiwa sebelum mendapatkan sumber primer. Kaedah temubual digunakan untuk menemubual individu-individu yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan awal pengajaran BKD di IPGM dari tahun 2011 hingga tahun 2014. Individu-individu ini adalah ahli pentadbir, pakar rujuk, pensyarah dan pelajar perintis PPISMP dan PISMP BKD tahun 2012 – 2014.

Sejarah Awal Pendidikan Bahasa Kadazandusun (Bkd) Di Ipgm

Pada tahun 1998, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menawarkan BKD sebagai mata pelajaran elektif dan hanya ditawarkan kepada siswa-siswi bukan kaum Kadazan Dusun. Tujuan mata pelajaran tersebut ditawarkan adalah untuk memberi kemahiran berkomunikasi dengan masyarakat tempatan kaum Kadazan dan Dusun. Pada tahun 2010, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula menawarkan BKD sebagai kursus minor. Pada tahun 2011, BKD ditawarkan dalam program Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) di UPSI. Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) mula menawarkan BKD sebagai Program Ijazah Sarjana Muda pada tahun 2012 menerusi program PPISMP selama 3 semester (Ambilan Jun 2012 sahaja) dan 2 semester (Ambilan Jun 2014 dan seterusnya) dan meneruskan pengajian ke program PISMP dengan kepujian selama 4 tahun (8 semester).

Latihan guru BKD di IPGM bermula apabila Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Kadazandusun Bagi PPISMP yang dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik IPGM di IPG, KPM, Cyberjaya pada 10 Mei 2011 diluluskan.²¹ Kertas

21 Surat Panggilan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik: Rujukan: KC/11(H)/15/1-1 Jld.4 (80) bertarikh 09 Mei 2011

Cadangan tersebut dikemukakan dengan tujuan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan berhubung dengan cadangan memasukkan Kurikulum BKD dalam PPISMP mulai ambilan Jun 2012. Pada tahun 2011, mata pelajaran BKD julung kalinya diperkenalkan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah menengah di Sabah dan boleh mengambil pengkhususan BKD apabila ditawarkan di IPGM. Perkembangan latihan guru BKD di IPGM melalui tiga fasa utama iaitu fasa perancangan, fasa penggubalan kurikulum dan fasa pelaksanaan program PPISMP dan PISMP BKD Sekolah Rendah.

Dalam Fasa Perancangan dan Fasa Penggubalan, IPGM telah melantik IPG Kampus Kent sebagai IPG Urusetia Penggubalan Kurikulum yang diketuai oleh Pengarahnya, YBhg. Datuk Mary Teresa Kinajil dan Puan Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah sebagai Ketua Panel Penggubal Kurikulum BKD. Ahli-ahli Panel terdiri daripada pensyarah-pensyarah IPG yang dilantik (16 orang pensyarah) daripada 4 buah IPG Zon Sabah, pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan beberapa orang guru sekolah yang berpengalaman mengajar mata pelajaran BKD di sekolah rendah dan menengah seluruh Sabah. Puan Rita Lasimbang dari *Kadazandusun Language Foundation (KLF)* telah dipilih dan dilantik oleh IPGM sebagai pakar rujuk dalam penggubalan kurikulum PPISMP dan PISMP BKD.²² IPG Kampus Kent selaku Urusetia Penggubal Kurikulum BKD bertanggungjawab untuk merancang penggubalan kurikulum sebagai persediaan menerima pelajar-pelajar PPISMP BKD pada tahun 2012.²³

Unit BKD telah ditubuhkan pada bulan Januari 2012 dan diletakkan di bawah Jabatan Bahasa, IPG Kampus Kent, Tuaran. Unit tersebut diwujudkan bertujuan untuk menyelaraskan perancangan penggubalan kurikulum dan latihan tenaga pengajar BKD. Hanya dua orang sahaja pensyarah BKD pada ketika itu iaitu Puan Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah sebagai Ketua Unit dan Penyelaras BKD manakala Puan Evelyn Annol sebagai pensyarah dan Tutor BKD.²⁴ Unit BKD telah diarahkan untuk membuat persediaan dalam menyediakan perancangan jadual penggubalan

& Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum PPISMP Bahasa Kadazandusun.

²² Surat Perlantikan sebagai Pakar Rujuk Kurikulum Bahasa Kadazandusun Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) IPGM 2 Julai 2012.

²³ Surat Perlantikan sebagai Ketua Panel & Panel Penggubal Pro Forma Kursus Major Bahasa Kadazandusun PISMP Ambilan Januari 2014 (Rujukan:KP (IPG) 8282/600/2/3/25(22) bertarikh 29 Jun 2012).

²⁴ Surat Perlantikan Jawatan sebagai Ketua Unit Bahasa Kadazandusun Jabatan Bahasa (Rujukan: KC/11(H)/639/1-3() bertarikh 4 Januari 2012, KC/11(H)/639/1-3() bertarikh 2 Januari 2013 & KC/11(H)/980/1-26Jld.2(1) bertarikh 2 Januari 2014) Ambilan Jun 2012

kurikulum sebagai persediaan utama sebelum menerima dan melatih pelajar-pelajar PPISMP BKD.²⁵ IPG Kampus Kent, Tuaran juga telah diminta untuk mengenalpasti pensyarah yang sesuai dan memiliki kelayakan untuk menjadi tenaga pengajar PPISMP dan PISMP BKD.

Persediaan Utama Ipgm (Ipg Kampus Kent, Tuaran Sebagai Perintis Latihan Guru Bahasa Kadazandusun (Bkd)

Persediaan utama pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) khususnya IPG Kampus Kent merangkumi aspek perancangan latihan tenaga pensyarah dan aspek penggubalan kurikulum PPISMP dan PISMP BKD Sekolah Rendah. Sebagai persediaan menerima dan melatih pelajar-pelajar PPISMP BKD Sekolah Rendah Ambilan Jun 2012, pihak IPGM melalui IPG Kampus Kent, Tuaran telah merancang dengan teliti satu latihan khas berupa kursus kepada pensyarah-pensyarah yang bakal menjadi tenaga pengajar dalam program tersebut. Tujuan latihan adalah untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*MQA*) iaitu pensyarah wajib memiliki sekurang-kurangnya sijil kemahiran BKD di samping berlatarbelakangkan kelayakan akademik dalam mana-mana bidang bahasa serta penutur jati mana-mana dialek Kadazan Dusun. Latihan tersebut dianjurkan bersama KLF iaitu sebuah Institut Penyelidikan yang berfungsi untuk memelihara, membangun dan mempromosi BKD sebagai bahasa Orang Asal di Sabah.²⁶

Seramai 16 orang pensyarah yang dikenalpasti untuk menjadi tenaga pengajar BKD dari 4 buah IPG Zon Sabah telah diberi latihan khas Kemahiran BKD lima fasa yang melibatkan sejumlah 90 jam interaksi. Pengarah IPG Kampus Kent, YBhg. Datuk Mary Teresa Kinajil turut bersama-sama dalam setiap fasa latihan tersebut berlangsung. Pengisian latihan merangkumi aspek sistem bahasa, sejarah, budaya dan kesusasteraan BKD. Latihan Fasa 1 pada 12 – 15 September 2011 berfokus kepada Sistem Bahasa BKD, Fasa 2 yang telah dilaksanakan 10 – 14 Oktober 2011 lebih kepada Morfologi dan Sintaksis BKD, Fasa 3 yang telah dilaksanakan pada 22 – 24 Februari 2012 adalah tentang Semantik dan Kosa Kata BKD, Fasa 4 yang telah dilaksanakan pada 23 – 25 April 2012 berkaitan Kemahiran Bertutur dan Menulis BKD dan akhir sekali Fasa 5 yang telah dilaksanakan pada 20 Mei 2012 adalah berkaitan Sejarah dan Kesusasteraan BKD. Latihan

25 Linah Bagu. Surat Perlantikan sebagai Ketua Panel & Panel Penggubal Pro Forma Kursus Major Bahasa Kadazandusun PISMP Ambilan Januari 2014 (Rujukan: KP (IPG) 8282/600/2/3/25(22) bertarikh 29 Jun 2012).

26 Ibid, hlm. 117.

selama lima fasa tersebut telah diadakan di Bilik Seminar, Bahagian Teknologi Pendidikan, Penampang, Sabah.²⁷

Pensyarah-pensyarah IPG Zon Sabah yang terlibat dengan latihan khas tenaga pengajar BKD dari IPG Kampus Kent ialah Puan Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah, Encik Victor Baga, Encik James Geofferry Molijoh, Encik Sinit @ John Gitom, Encik Joseph Nandu dan Encik Kundayis Labeh. Pensyarah-pensyarah dari IPG Kampus Gaya pula ialah Puan Ain Apainah Yuni, Puan Clara Anselmus, Encik Jawing Dongkok, Encik Rayner Biam Anjumul dan Puan Winday Binti Sini @ Siani. Pensyarah-pensyarah dari IPG Kampus Keningau pula ialah Encik Juhilin L. Takun, Encik Jausip @ Joseph Yabai dan Encik Agus Yanul. Pensyarah-pensyarah dari IPG Kampus Tawau pula ialah Encik Sandau B. Mili dan Encik Sandy Kaiki @ Gerald.²⁸

Apabila pihak IPGM melantik IPG Kampus Kent sebagai Urusetia Penggubalan Kurikulum PPISMP BKD, jawatankuasa penggubalan yang diketuai oleh YBhg. Datuk Mary Teresa Kinajil, Pengarah IPG Kampus Kent selaku Pengerusi dan Puan Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah sebagai Ketua Panel Penggubal²⁹ serta ahli-ahli panel yang terdiri daripada 16 orang pensyarah yang mewakili empat buah IPG Zon Sabah, pensyarah universiti (UMS) dan beberapa orang guru sekolah rendah dan menengah telah menghadiri beberapa siri mesyuarat berkaitan penggubalan kurikulum BKD di Bilik Seminar, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah. Turut serta ialah Puan Rita Lasimbang dari KLF yang memainkan peranan sebagai pakar rujuk khususnya dalam aspek pembangunan sistem bahasa dan linguistik.³⁰

IPG Kampus Kent, Tuaran telah pertanggungjawabkan sepenuhnya untuk merancang jadual kerja dan skop kursus kurikulum dengan teliti supaya memenuhi syarat dan keperluan akreditasi MQA.³¹ Sehubungan itu, *Timeline* atau Kerangka Masa Kerja Penggubalan Pro Forma, Jadual

27 IPG Kampus Kent, Tuaran. Surat-Surat Panggilan Menghadiri Kursus Latihan Tenaga Pengajar Bahasa Kadazandusun Fasa 1, 2, 3, 4 & 5 serta Buku Sejarah Perkembangan Bahasa Kadazandusun IPGM (2011 – 2015) Dalam Gambar Tulisan Linah Bagu et.al Tahun 2015)

28 Ibid.

29 Surat Panggilan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik: Rujukan: KC/11(H)/15/1-1 Jld.4 (80) bertarikh 09 Mei 2011 & Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum PPISMP Bahasa Kadazandusun)

30 IPG Kampus Kent, Tuaran. Surat Perlantikan sebagai Pakar Rujuk Kurikulum Bahasa Kadazandusun Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) IPGM 2 Julai 2012.

31 Linah Bagu. Surat Perlantikan sebagai Ketua Panel & Panel Penggubal Pro Forma Kursus Major Bahasa Kadazandusun PISMP Ambilan Januari 2014 (Rujukan: KP (IPG) 8282/600/2/3/25(22) bertarikh 29 Jun 2012).

Spesifikasi Ujian, Modul Pengajaran dan Pembelajaran PPISMP BKD Ambilan Jun 2012 dan PISMP Ambilan Januari 2014 yang terperinci telah disediakan sebagai panduan pelaksanaan kerja sepanjang tempoh tahun 2011 – Jun 2012. Unit BKD berperanan penting sebagai penyelarar aktiviti perancangan penggubalan kurikulum dan latihan tenaga pengajar BKD. Puan Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah selaku Ketua Unit dan Penyelarar BKD dan Puan Evelyn Annol sebagai pensyarah BKD³² diberi mandat untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut sehingga selesai dengan sempurna.

Pada tahun 2011, Senat IPGM telah meluluskan Pro Forma PPISMP BKD untuk kegunaan Ambilan Jun 2012.³³ Sehubungan itu, PPISMP BKD telah ditawarkan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Kent mulai ambilan Jun 2012 bagi melahirkan guru-guru yang kompeten dalam penguasaan BKD, sekaligus mampu mengendalikan pengajaran dan pembelajaran BKD dengan cemerlang. Ambilan pertama PPISMP BKD, Ambilan Jun 2012 seramai 20 orang pelajar dan disusuli oleh tiga lagi ambilan berikutnya iaitu pada bulan Jun 2013 (20 orang pelajar) dan pada bulan Jun 2014 (9 orang pelajar). Pada tahun 2014, penawaran PPISMP telah diperluaskan ke IPG Kampus Keningau. Sehingga kini, IPG Kampus Keningau telah menerima pelajar ambilan pertama iaitu pada Jun 2014 (10 orang pelajar). Jumlah keseluruhan pelajar BKD di IPGM pada tahun 2014 adalah seramai **59** orang.³⁴

Pada 20 – 23 Mei 2013, Mesyuarat Pembentangan Pro Forma Kursus PPISMP BKD Ambilan Jun 2013 telah berlangsung di Hotel Empress, Sepang bertujuan untuk mendapatkan kelulusan pelaksanaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik (JKPA) IPGM Bil. 1/2013. Pembentangan telah disampaikan oleh Puan Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah, Ketua Unit BKD dan Puan Evelyn Annol, Pensyarah BKD dari IPG Kampus Kent, Tuaran. Seterusnya pada 09 September 2013, Puan Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah dan Puan Evelyn Annol telah membentangkan 15 Pro Forma PISMP BKD dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-21 Tahun 2013 di IPG Kampus Pendidikan Teknik, Kompleks Pendidikan Nilai, Negeri Sembilan dan diluluskan.³⁵ Kelulusan Pro Forma kursus PPISMP dan PISMP BKD telah membuka lembaran sejarah

32 Linah Bagu. Surat Perlantikan Jawatan sebagai Ketua Unit Bahasa Kadazandusun Jabatan Bahasa (Rujukan: KC/11(H)/639/1-3) bertarikh 4 Januari 2012, KC/11(H)/639/1-3 () bertarikh 2 Januari 2013 & KC/11(H)/980/1-26Jld.2(1) bertarikh 2 Januari 2014)

33 Minit Mesyuarat Senat Kali Ke-21 IPGM di Kuching Sarawak pada 12 Mei 2011

34 IPG Kampus Kent, Tuaran. Buku Sejarah Perkembangan Bahasa Kadazandusun IPGM (2011 – 2015) Dalam Gambar Tulisan Linah Bagu Tahun 2015).

35 Linah Bagu. Surat Panggilan Mesyuarat (Rujukan: KP(IPG)8282/100/7/5(35) bertarikh 14 Mei 2013 & KP(IPG)S.8181/600/10/1/Jld.2(4) bertarikh 5 September 2013.

perkembangan latihan guru BKD di IPGM khususnya di IPG Kampus Kent, Tuaran dan IPG Kampus Keningau.

Senarai Pensyarah Dan Pelajar Perintis Ppismp Bahasa Kadazandusun (Bkd) 2012 – 2014

Pada peringkat permulaan pelaksanaan latihan PPISMP BKD Ambilan Jun 2012 di IPG Kampus Kent, Tuaran, hanya dua orang pensyarah sahaja yang menjadi tenaga pengajar kursus Bahasa Kadazandusun iaitu Puan Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah, Ketua Unit dan penyelarar Program BKD dan Puan Evelyn Annol, Pensyarah dan tutor BKD. Bilangan pensyarah bertambah apabila Ambilan kedua (Jun 2013) dan Ambilan Ketiga (Jun 2014) mendaftar di IPG Kampus Kent. Sehingga Disember 2014, bilangan pensyarah kursus BKD adalah seramai 5 orang. Pensyarah-pensyarah terdiri daripada Puan Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah, Encik Victor Baga, Encik James Geofferry W. Molijoh, Encik Sinit @ John Gitom dan Puan Evelyn Annol.³⁶

Pada 25 Jun 2012, Ambilan Jun 2012 PPISMP BKD telah dimulakan buat julung kalinya di IPG Kampus Kent, Tuaran. Seramai 20 orang pelajar iaitu 10 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan yang datang daripada pelbagai dialek rumpun Kadazan Dusun dari seluruh daerah di Sabah telah mendaftar sebagai pelajar pertama dalam sejarah latihan guru BKD di Malaysia.³⁷ Berikut adalah senarai nama pelajar BKD³⁸ Ambilan 1 Jun 2012 mengikut daerah dan dialek;

BIL.	NAMA PELAJAR	DAERAH ASAL	DIALEK
01.	Atifellyndra Albert	Telipok	Tagahas
02.	Canisius Einus	Telipok	Tindal
03.	Caroline Jiminit	Kota Belud	Bundu
04.	Chanelix Sabinos	Kiulu	Bundu
05.	Chrmilah Wimik	Kota Marudu	Tindal
06.	Clarice Irene Sipil	Pekan Nabal	Bundu
07.	Emilya Ginsaat	Tenghilan	Tindal
08.	Eugene Lominus	Kiulu	Tagahas
09.	Frederic Sanan	Pekan Nabal	Bundu

³⁶ Surat-surat Lantikan Pensyarah, IPG Kampus Kent 2011 – 2014.

³⁷ IPG Kampus Kent, Tuaran. Buku Sejarah Perkembangan Bahasa Kadazandusun IPGM (2011 – 2015) Dalam Gambar Tulisan Linah Bagu et.all Tahun 2015.

³⁸ Buku Pendaftaran Pelajar Jabatan HEP, IPG Kampus Kent, Tuaran, Jun 2012

10.	Jessecia Dunis	Pekan Nabalau	Bundu
11.	Kenny Michael	Tambunan	Tindal
12.	Leroy Simon	Ranau	Bundu
13.	Lini Goluis	Kiulu	Bundu
14.	Lowchen Fred Jr. Sipaan	Bundu Tuhan	Bundu
15.	Micherson Yuki	Bundu Tuhan	Bundu
16.	Milson Musi	Ranau	Tinagas
17.	Priscilla Gukim	Penampang	Tangara
18.	Ronaldo Rosmin	Tamparuli	Bundu
19.	Wellybrord John	Ranau	Bundu/Liwan
20.	Winnie Lorina Jausin	Tamparuli	Bundu

JADUAL 1: NAMA PELAJAR BKD AMBILAN 1 JUN 2012

SENARAI KURSUS KURIKULUM PPISMP DAN PISMP BAHASA KADAZANDUSUN (BKD) 2012 - 2014

Setelah Pro Forma PPISMP BKD Ambilan Jun 2012 diluluskan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-21 di Kuching Sarawak pada 12 Mei 2011, 8 kursus persediaan yang telah digubal dilaksanakan dalam latihan guru selama setahun setengah (3 semester). Selepas melalui latihan selama setahun setengah (3 semester) dengan syarat lulus semua kursus yang telah didaftarkan, pelajar akan dibenarkan meneruskan pengajian ke peringkat PISMP selama 4 tahun (8 semester).³⁹ Berikut adalah senarai nama kursus PPISMP Jun 2012 mengikut kod dan jam kredit;

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KREDIT (JAM)
BKD1101	Sajara BKD &Koubasanan Booyungan Kadazan & Dusun	3K (45 JAM)
BKD1102	Kopointutunan Fonetik & Fonologi	4K (60 JAM)
BKD1103	Ponginlaaban Kosa Kata	3K (45 JAM)
BKD1104	Semantik	3K (45 JAM)
BKD1105	Impohon Piwaraan&Piromutan	3K (45 JAM)

39 IPGM. Buku Panduan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian, Julai 2013.

BKD1106	Impohon Mambasa&Monuat	4K (60 JAM)
BKD1107	Sintaksis	3K (45 JAM)
BKD1108	Ponginlaaban Kosusasteraan BKD	3K (45 JAM)

JADUAL 2: NAMA KURSUS PPISMP JUN 2012

Seterusnya pada 20 – 23 Mei 2013, 8 kursus persediaan tersebut telah dimurnikan untuk penambahbaikan menjadi 6 kursus sahaja dan dilaksanakan dalam tempoh setahun (2 semester) melalui kelulusan Pro Forma Kursus PPISMP BKD Ambilan Jun 2013 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik (JKPA) IPGM Bil. 1/2013 yang telah berlangsung di Hotel Empress, Sepang.⁴⁰ Kursus-kursus tersebut adalah seperti Jadual 3⁴¹berikut;

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KREDIT (JAM)
BKD1014	Kopointutunan Ponginlaaban SajaraBoros Kadazandusun	4K (60 JAM)
BKD1024	Kabaalan Boros Kadazandusun	4K (60 JAM)
BKD1034	Kopointutunan do Fonetik, Fonologi om Sistom Ija'anBoros Kadazandusun	4K (60 JAM)
BKD1044	Kopointutunan Koubasanan om Kosusastaraan Kadazan Dusun	4K (60 JAM)
BKD1054	Kopointutunan do Morfologi om Sintaksis Boros Kadazandusun	4K (60 JAM)
BKD1064	Kopointutunan do Psikolinguistik, Semantik om Wacana	4K (60 JAM)

JADUAL 3: NAMA KURSUS PPISMP MULAI JUN 2013

Struktur kursus PISMP BKD yang telah yang diluluskan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-21 Tahun 2013 di IPG Kampus Pendidikan

40 Linah Bagu. Surat Panggilan Mesyuarat (Rujukan: KP(IPG)8282/100/7/5(35) bertarikh 14 Mei 2013.

41 IPGM. Buku Panduan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepeujian, Julai 2013.

Teknik, Kompleks Pendidikan Nilai, Negeri Sembilan meliputi 15 jenis kursus dan kemudiannya dimurnikan beberapa kali untuk tujuan penambahbaikan. Di antara kursus-kursus PISMP BKD Ambilan Januari 2014 hingga Ambilan Jun 2014⁴² adalah seperti berikut;

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KREDIT (JAM)
BKD3013	Fonetik om Fonologi Boros Kadazandusun	3K (45 JAM)
BKD3023	Morfologi Boros Kadazandusun	3K (45 JAM)
BKD3033	Sintaksis Boros Kadazandusun Ponginlaaban Kosa Kata	3K (45 JAM)
BKD3043	Kurikulum Boros Kadazandusun Sikul Tosiriba	3K (45 JAM)
BKD3053	Pangajaran Kabaalan Boros Kadazandusun I	3K (45 JAM)
BKD3063	Semantik om Peristilahan Boros Kadazandusun	3K (45 JAM)
BKD3073	Pongiaan Kabaalan Boros Kadazandusun II	3K (45 JAM)
BKD3083	Panahangan Boros Kadazandusun	2+1K (45 JAM)
BKD3093	TMK Pongiaan om Pambalajalan Boros Kadazandusun	3K (45 JAM)
BKD3103	Pendidikan Pemulihan om Pengayaan Boros Kadazandusun	2+1K (45 JAM)
BKD3113	Pengantar Linguistik Bahasa Kadazandusun	3K (45 JAM)
BKD3123	Sejarah Perkembangan Bahasa Kadazandusun, Perkamusan dan Terjemahan	3K (45 JAM)
BKD3133	Penyelidikan Tindakan 1 – Bahasa Kadazandusun Pendidikan Rendah (Kaedah)	3K (45 JAM)
BKD3143	Kebudayaan dan Kesusasteraan Masyarakat Kadazandusun	3K (45 JAM)
BKD3153	Penyelidikan Tindakan II – Bahasa Kadazandusun	0+3k (45)

⁴² IPGM. Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian, Juni 2014.

	Pendidikan Rendah (Pelaksanaan dan Pelaporan)	JAM)
--	-----------------------------------------------	------

JADUAL 4: NAMA KURSUS PISMP JUN 2014

Kesimpulan

Perkembangan latihan guru BKD di IPGM (2011 – 2014) memperlihatkan usaha dan komitmen pihak pentadbir dan pensyarah-pensyarah BKD yang sangat tinggi dan bersungguh-sungguh dalam merancang persediaan-persediaan utama sebelum menerima pelajar perintis PPISMP BKD pada tahun 2012. Sepanjang tempoh tersebut, IPGM khususnya IPG Kampus Kent telah melalui banyak pengalaman dan cabaran. Kini, IPG Kampus Kent telah berjaya melahirkan ramai graduan guru bidang BKD yang kompeten dan berketrampilan yang kini telah ditempatkan di sekolah-sekolah rendah di seluruh Sabah. Diharapkan usaha IPGM untuk terus meningkatkan kualiti latihan guru dan melestarikan bahasa ibunda terus kekal berterusan sebagaimana bahasa Maori yang suatu ketika hampir hilang di bumi New Zealand.

Bibliografi

Artikel Jurnal

Evelyn Annol dan Mary Teresa Kinajil. (2014). Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun di Malaysia (1994-2014). *Jurnal Bahasa Kent*.

Henry Bating, Loi Chek Kim, and Siti Aishah Ramli. (2018). Dialect Phonemes Incorporated into the Standard Kadazandusun Language. *International Journal of Languages, Literature and Linguistics, Vol. 4, No. 4*.

Minah Sintian & Mohd. Sharifudin Yusop. (2016). Kepelbagaian Dialek Dalam Keluarga Dusunik: Analisis Ciri Leksikal. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Volume 4 (1)*. 1 – 24.

Buku

Abdul Hadi Harman Shah, Junaenah Sulehan, Mohamed Yusoff Ismail, Nor Azizan Idris dan Zahra Yaacob. (2003). *Tun Mustapha dan Pembangunan Sabah*, Kota Kinabalu.

Buku Panduan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Dengan Kepujian. (2013). Kuala Lumpur.

Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Dengan Kepujian (2014). IPGM, Kuala Lumpur.

Dayu Sansalu. (2014). *Sejarah Perkembangan Pendidikan Di Sabah (1881 – 1981)*, Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dayu Sansalu. (2008). *Kadazandusun Di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran, Sabah. (2015). *Sejarah Perkembangan Bahasa Kadazandusun IPGM Dalam Gambar (2011 – 2015)*.

Jacqueline Pugh-Kitingan. (2012). *Kadazan Dusun*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, Kuala Lumpur.

Owen Rutter. (2018). *The Pagans of North Borneo*. Opus Publication Sdn. Bhd., Kota Kinabalu.

Owen Rutter. (2018). *British North Borneo, An Account of its History*. Resources and Native Tribe. Opus Publication Sdn. Bhd., Kota Kinabalu.

Prosiding Konferen

Lasimbang, Rita dan Moguil G. Aloysius. (1996). Kedudukan Bahasa Kadazandusun dan Peranan Yayasan Bahasa Kadazandusun: Seminar Pembangunan Sosio-ekonomi Masyarakat Desa Kg. Lokos, Kiulu. 24 Februari 1996.

Lasimbang, Rita. (1996). Cherish Your Language Through Knowing Your Language. Pembentangan Kertas Kerja di Seminar, “Embrace Your Culture, Cherish Your Language for Excellence and Unity” sempena Minggu Galakan Membaca Bahasa Kadazandusun, 4 November 1996.

Logijin, Sandra. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun di Sekolah-sekolah di Sabah. Ceramah Majlis Penutupan Magangung: Anjuran KDCA Branch, Tanjung Aru. 17 Disember 2011.

Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah. (2016). Perkembangan Bahasa Kadazandusun Di IPGM (2011 – 2015). Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG Kampus Kent.

Minah Sintian. (2014). Penggunaan Aspek Morfologi Bahasa Kadazandusun Dalam kalangan Guru Bukan Opsyen Bahasa Kadazandusun di Sekolah Menengah Negeri Sabah. Memertabatkan Kesarjanaan Melalui Penyelidikan, (2014).

Rita Lasimbang, P. Salvia Poit dan Emelda Evon. (2018). Peranan Yayasan Bahasa Kadazandusun (KLF) dalam Pembangunan Bahasa Ibunda – Merujuk kepada Pembangunan Bahasa Kadazandusun (BKD). Prosiding Seminar Budaya, Bahasa dan Sastera Masyarakat Kadazan Dusun, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent Tahun 2018.

Sitiamah Haji Sahat. (2018). *Perkembangan Pendidikan Bahasa Kadazandusun di Negeri Sabah dari tahun (2011 – 2017)*. Prosiding Seminar Budaya, Bahasa dan Sastera Masyarakat Kadazan Dusun, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran Tahun 2018.

Laporan, Mimit Mesyuarat Dan Surat Menyurat

State of North Borneo: annual Report on Education Department for the year 1920, Jesselton, (1921).

Jabatan Cetak Kerajaan. State of Sabah. *Annual Report on Education For The Year 1976*. Kota Kinabalu, (1977).

Surat Pusat Perkembangan Kurikulum Kepada Pengarah Pelajaran Sabah, Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Kadazandusun Tingkatan IV dan V, 6 November 2009.

Surat Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Sabah kepada semua Guru Besar, Pelaksanaan Penuh Kurikulum Bahasa Kadazandusun Tahun 4, (1998), 10 Oktober 1997.

Surat Haji Hasbullah Haji Mohd. Taha , Pengarah Pendidikan Sabah kepada semua Guru Besar di Sabah, 10 Oktober 1997.

Surat Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Sabah, pelaksanaan Penuh Kurikulum Bahasa Kadazandusun Tahun 4, 1998, 10 Oktober 1997.

Surat Panggilan Mesyuarat (Rujukan: KP(IPG)8282/100/7/5(35) bertarikh 14 Mei 2013.

Surat Panggilan Mesyuarat (Rujukan: KP(IPG)S.8181/600/10/1 Jld. 2(4) bertarikh 05 September 2013.

Surat Perlantikan Jawatan Sebagai Ketua Unit BKD, Jabatan Bahasa (Rujukan: KC/11/(H)639/1-3() bertarikh 02 Januari 2013 & KC/11(H)/980/1-26Jld.2(1) bertarikh 02 Januari 2014.

Minit Mesyuarat Bahasa Kadazan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 25 Januari 1995.

Minit Mesyuarat Senat IPGM Kali Ke-2 di Kuching, Sarawak pada 12 Mei 2011.

Perjanjian Perisytiharan Bahasa Kadazandusun sebagai bahasa Rasmi Di Antara Kadazandusun Cultural Association (KDCA) dan United Sabah Dusun Association, 24 Januari 1995.

Perisytiharan Persetujuan Dialek Bunduliwan Sebagai Dialek Asas Pemiawaian dan Pembakuan Bahasa Kadazandusun Di antara Kadazandusun Cultural Association (KDCA) dan United Sabah Dusun Association, 11 April 1995.

Bahan Pembentangan Mesyuarat Kurikulum Pusat, Bilik Gerakan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur, 10 Oktober 2000.

Surat Khabar

North Borneo Annual Report, 1956.
North Borneo Annual Report, 1952.
Daily Express, 17 September 1969.
Borneo Mail, 25 September 1994.
Borneo Mail, 15 September 1994.
Borneo Mail, 03 November 1996.
Daily Express, 01 April 1995.
Borneo Mail, 14 Februari 1999.
Daily Express, 24 Mei 2019.

Temubual

1. Puan Sitiamah Haji Sahat di JPNS, Sabah pada 30 September 2019.
2. Encik Victor Baga di IPG Kampus Kent pada 06 Mac 2020.